



21 Ogos 2024



## **JAKOA bantu Orang Asli terima pampasan bagi taklimat pengurusan kewangan**

GUA MUSANG: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) akan mengambil langkah proaktif untuk membantu penduduk Orang Asli yang menerima pampasan daripada TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) supaya dapat menggunakan wang pampasan sebaiknya.

Ketua Pengarah JAKOA, Datuk Sapiah Mohd Nor, berkata antara aspek penting ditekankan ialah memberi pendidikan berkaitan pengurusan kewangan kepada masyarakat Orang Asli dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak bank.

Katanya, penduduk juga akan diberi taklimat, perkembangan minda serta kepentingan simpanan melalui Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) bagi memastikan wang pampasan yang diterima diuruskan dengan sebaiknya.

"Kita akan beritahu di mana sepatutnya mereka menyimpan dan melabur. Taklimat dan perkembangan minda dan pendidikan secara bersempua dengan bantuan pihak bank, akan diadakan.

"Kita tidak mahu orang luar jual barang yang entah apa-apa kepada mereka (Orang Asli).

"Sebagaimana berlaku di Cameron Highlands, saya dimaklumkan ada pihak mendakwa simkad yang harganya puluhan ringgit tetapi dijual pada ratusan ringgit kepada Orang Asli. Jika kejadian seumpama ini berlaku saya berharap ia terus dilaporkan kepada pihak polis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penghargaan dan Kerjasama Strategik Bersama Orang Asli Pos Tohoi dan Pos Pulat di Pos Tohoi, di sini, hari ini.

Turut hadir merasmikan majlis itu ialah Timbalan Setiausaha Kerajaan Kelantan (Pembangunan), Datuk Tuan Zainal Abidin Tuan Yusuf dan Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Muhamad Nazri Pazil.

Sapiah berkata, langkah ketat yang akan diambil ialah menyekat kemasukan orang luar ke perkampungan Orang Asli bagi mengelak dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Penghulu Pos Tohoi, Zainal Chali pula berkata, beliau berterima kasih kepada pihak TNB Genco yang sudah membuat dua kali bayaran pampasan kepada penduduk yang terbabit.

"Saya difahamkan pampasan dibayar secara berperingkat dan kini saya sudah menerima dua kali bayaran pada bulan ini.

"Terima kasih kepada pihak TNB yang sudi membuat pembayaran pampasan walaupun penempatan kami dijangka siap dan boleh diduduki pada pertengahan 2026," katanya.